

## Hukum Public Mutual (Ittikal) & Ejennya

Soalan Pertama :

Assalamualaikum Ustaz,

Saya adalah consultant unit trust untuk Public Mutual. Secara peribadi saya merasa sedikit keliru dengan kerjaya ini apabila saya cuba bandingkan dengan MLM. Bagi saya memang ada persamaan dengan MLM kerana ada sale bermakna adalah komisyen. Dan juga saya hanya menjual Islamic Trust. Apa pendapat ustaz dari boleh atau tidak saya teruskan profession sambilan ini?

Sekian, terima kasih.

- Abd Razak -

Soalan Kedua :

salam ustaz...

sebelum saya mengajukan kemusykilan, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ustaz atas usaha ustaz 'menyernihkan' kekusutan mengenai permasalahan muslimin dan muslimat di komuniti yahoogroups ini.

soalan 1

apakah hukum keuntungan yang hanya diperolehi daripada menyertai produk-produk yang berlandaskan shariah seperti Public Islamic Equity Fund.

soalan 2

apakah hukum pendapatan yang hanya diperolehi daripada hasil menjual produk-produk yang berlandaskan shariah seperti Public Islamic Equity Fund dll memandangkan Public Mutual juga menawarkan produk2 yang tidak berlandaskan shariah...

'betulkan saya jika salah'

sekian. wassalam.

aminuddin

JAWAPAN

wa'alaikumussalam,

pertamanya, tahniah atas rasa keperihatinan anda berdua dengan harta yang halal dan sistem perniagaan secara Islam yang tulen, ia sebenarnya satu tanda iman yang baik dalam diri. Ameen.

Berkenaan Public Mutual Ittikal dan Public Islamic Equity Fund. Ia telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai sebuah instrument pelaburan Islam manakala Majlis Penasihat Shariah khas baginya adalah Islamic Banking and Finance Institute Malaysia ( IBFIM ) sila buka webnya di [www.ibfim.com](http://www.ibfim.com)

Bagaimanapun, setelah saya berbincang dengan 'person in charge' di IBFIM, pihak mereka menjelaskan bahawa mereka hanya memantau dan menyemak portfolio, kaedah pelaburan yang di buat, di kaunter mana di letakkan, cara kiraan dan yang berkaitan dengannya dana dan pelaburan itu sahaja.

Adapun cara pemasaran menggunakan kaedah persis MLM dan komisyen ini tidaklah di semak oleh mereka.

Saya pula belum mengkaji secara detail cara komisyen dan pemasaran yang dibuat oleh Public Mutual Ittikal ini mahupun Takaful Ikhlas dan lain sebagainya. Justeru bagi sesiapa yang terlibat dengan semua jenis ini, apa yang mampu saya sarankan adalah; Bawa isu ini kepada pihak pengurusan Public Mutual dan desak mereka untuk 'table' kan sistem pemasaran itu kepada Shariah Adviser masing-masing..

Itu lah yang perlu dibuat. Benar, tiada ertinya benda yang halal, jika dijual dengan cara yang tidak menepati Shariah.

Hasilnya akan pasti sama iaitu HARAM. Saya TIDAK mengatakan sistem marketing Public Ittikal ataupun Takaful Ikhlas Haram, cuma saya sarankan individu terlibat bawa ke Shariah (jika belum di bawa).

Dalam pada masa itu, saya juga tiada idea buat masa ini samada ingin menasihatkan anda agar berhenti atau meneruskan. Wallahu 'alam.

Sekian,

Ust Zaharuddin Ab Rahman

15 Jan 07

25 Zulhijjah 1427 H